

THE SHIP
CAMPUS

UNIVERSITI AL-BAYAN
AL-BAYAN ABDULLAH
UMPSA ADVANCED

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERJANJIAN (MoA)

ANTARA
THE SHIP CAMPUS SDN. BHD.
DAN
UMPSA ADVANCED SDN. BHD.

22 MEI 2025 | 12 TENGAH HARI

THE SHIP CAMPUS, BATU KAWAN







[MoU/MoA](#)

UMPSA perluas akses pendidikan tinggi buka Pusat Pembelajaran Luar Kampus

29 May 2025

PULAU PINANG, 22 Mei 2025 - Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) terus mengorak langkah dalam memperkukuh jaringan strategik dan memperluas capaian pendidikan tinggi negara menerusi anak syarikat milik penuh universiti, UMPSA Advanced, apabila termeterainya Memorandum Perjanjian (MoA) bersama The Ship Campus di Pulau Pinang baru-baru

ini.

Perjanjian ini menandakan pembukaan secara rasmi sebuah pusat pembelajaran luar kampus UMPSA atau '*offshore campus*' yang menempatkan Pusat Asasi UMPSA di wilayah Utara Semenanjung Malaysia.

Penubuhan kampus ini juga dilihat sebagai antara inisiatif strategik dalam memperluas akses pendidikan tinggi berkualiti dan menyediakan peluang pembelajaran lebih fleksibel kepada pelajar dari utara tanah air.

Majlis menandatangani MoA tersebut disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif UMPSA Advanced, Dr. Ahmad Johari Mohamad dan Ketua Pegawai Operasi *The Ship Campus*, Jasmon Lim.



Hadir dalam majlis, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa) UMPSA, Profesor Dato' Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad Sulaiman yang hadir mewakili Naib Canselor UMPSA, Profesor Dr. Yatimah Alias.

Turut hadir menyaksikan majlis Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan PKT Logistics Group, Dato' Seri (Dr.) Michael Tio.

Dalam ucapannya, Profesor Dato' Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad berkata, kerjasama ini bukan sekadar satu langkah strategik tetapi juga simbolik kepada aspirasi UMPSA dalam menjadikan pendidikan tinggi lebih inklusif dan responsif terhadap keperluan industri.

"Inisiatif '*Offshore Campus*' di *The Ship Campus* ini adalah antara langkah strategik memperkukuh visibiliti UMPSA di wilayah utara Semenanjung Malaysia serta memperluaskan akses kepada

program asasi dan pendidikan tinggi agar lebih ramai pelajar berpeluang mengikut program pengajian.

“Kolaborasi ini juga membuka ruang kepada pengoperasian program asasi di lokasi yang bukan sahaja strategik dari segi geografi, tetapi turut dilengkapi dengan fasiliti moden dan teknologi pendidikan terkini yang secara langsung menyokong agenda pemerkasaan pendidikan tinggi yang berteraskan nilai, teknologi serta kebolehpasaran graduan,” ujarnya.

Dalam pada itu, Profesor Dr. Yatimah turut mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pengurusan *The Ship Campus* atas kesediaan dan komitmen mereka untuk menjalinkan kerjasama yang diyakini akan membawa manfaat jangka panjang kepada kedua-dua institusi.

Menurutnya, kerjasama ini telah membuka lembaran baharu kepada pelajar, warga akademik dan pihak industri secara keseluruhannya.

“Dengan termeterainya MoA ini, UMPSA memperkukuh lagi peranannya sebagai institusi pendidikan tinggi teknikal berteraskan teknologi dan inovasi, sejajar dengan hasrat untuk melahirkan graduan holistik, bercirikan keusahawanan dan berdaya saing di peringkat global.

“Malahan ia juga bakal memperlihatkan perkongsian sumber dan kepakaran dalam bidang akademik, teknologi, pembangunan pelajar serta pendedahan kepada industri,” katanya.

UMPSA menawarkan sepuluh program Ijazah Dual (*Dual Degree*) melalui strategik dengan lima buah institusi pengajian tinggi terkemuka dunia.

Antara rakan kerjasama termasuklah di negara Jerman iaitu Karlsruhe University of Applied Sciences (HKA) dan Mannheim University of Applied Sciences (HMA), Tianjin University dan Beijing Jiaotong University (BJTU) di China, Kazakh National Agrarian Research University di Kazakhstan dan terkini bersama Hanyang University Erica Campus, Korea Selatan.

Turut serta dalam majlis seramai 43 pelajar UMPSA yang sedang mengikuti program *Competency-Based Tourism, anjuran IntellectTours* – cabang pelancongan pendidikan (edutourism) UMPSA Advanced bagi memperkaya pengalaman pembelajaran mereka.

Maklumat lanjut mengenai program pengajian, boleh layari laman sesawang study.umpsa.edu.my dan direct-intake.umpsa.edu.my (program masuk universiti secara terus) bagi mendapatkan maklumat terkini berkaitan syarat kemasukan, struktur program dan kelebihan yang ditawarkan.

Disediakan Oleh: Naqiah Puaad, Pusat Komunikasi Korporat

TAGS / KEYWORDS

[The Ship Campus](#)

• 120 views

[View PDF](#)